

# Punca Pak Samad terbit buku sendiri

» Elak gaduh isu royalti, beri tumpuan seni lukis beri hasil berlipat ganda

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

“Kebanyakan penerbit buku meletakkan syarat yang tidak menyebelahi saya dan daripada bergaduh soal royalti, lebih baik terbitkan saja sendiri.”

Itu luahan Sasterawan Negara (SN), Datuk A Samad Said atau lebih dikenali sebagai Pak Samad ketika mengimbau sejarah silam sehingga beliau memilih untuk menerbitkan karya sendiri sehingga kini.

Berbicara dalam Wacana Seni Lukis A Samad Said di Jelatek, Kuala Lumpur, baru-baru ini, A Samad menganggap isu konfliknya sebelum ini sudah berakhir dan tidak perlu diulas lanjut.

Tambahnya lagi, walaupun kos menerbitkan buku sendiri lebih tinggi, ia bukanlah satu isu besar kerana ia lebih baik daripada timbul kontroversi yang mencalarakan imejnya.

“**Saya kini tidak lagi bergantung kepada royalti buku, malah selepas masuk dalam industri seni lukis, hasil jualan yang diperoleh lebih berlipat ganda**”

**A Samad Said,**  
Sasterawan Negara



A Samad bersama Nur Hanim (dua dari kiri) dan Dinsman (tiga dari kiri), pada sesi **Wacana Seni Lukis A Samad Said** di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[ FOTO ADI SAFRI / BH ]

"Saya kini tidak lagi bergantung kepada royalti buku, malah selepas masuk dalam industri seni lukis, hasil jualan yang diperoleh lebih berlipat ganda.

### Takuk lama, pasaran belum meluas

"Walaupun turut bergiat dalam seni lukis, saya masih terus menulis, bahkan dalam proses menyiapkan empat buku terbaharu, iaitu tiga daripadanya antologi puisi dan sebuah esei," katanya pada acara sempena Pameran Pak Samad bertajuk *Black And Read: The Art of Pak Samad* anjuran Xin Art Space yang berakhir pada 5 April lalu.

Diadakan soalan mengenai pandangannya terhadap perkembangan buku sastera, dengan lantang A Samad menganggapnya masih di takuk lama dan pasarnya belum meluas.

"Bagaimanapun, jika dilihat situasi pasaran buku umum tentu saja bagus, lihat saja naskhah buku agama yang terjual laris di pasaran," katanya pada acara yang turut dihadiri oleh aktivis seni, Che Shamsudin Othman (Dinsman); pemilik Xin Art Space, Chan Yong Sin dan kurator bebas, Nur Hanim Khairuddin serta Tan Sei Hon.

A Samad turut menyorot pembabitannya dalam seni lukis ter-

utama pameran solo terbaharu di Xin Art Space kerana mengambil masa lima tahun untuk muncul kembali selepas kali terakhir di Balai Seni Visual Negara (BSVN) pada tahun 2010.

"Saya tidak mengatur sebarang perancangan untuk hadir dengan pameran lukisan, tetapi apabila mendapat pelawaan Xin Art Space, ia tentu saja mengembirakan apatah lagi rupanya ramai yang tidak melihat saya semata-mata sebagai penulis, sebaliknya juga pelukis.

"Saya fikir tidak akan ada orang yang berminat, tetapi ia dapat menarik pencinta seni yang

memberikan sokongan luar biasa," katanya.

### Kumpul koleksi lukisan

Sei Hon yang mempengerusikan wacana itu turut menitipkan penghargaan kepada anak Pak Samad, Helmy Samad yang menjadi orang penting dalam merealisasikan pameran berkenaan dengan mengumpulkan koleksi lukisan bapanya.

Sementara itu, Nur Hanim dalam sesi soal jawab turut berkongsi pengalamannya bekerja dengan Pak Samad sebagai kurator dalam dua pameran solonya sebelum ini.

"Saya bekerjasama dengan Pak Samad sebagai kurator kali pertama pada tahun 2007 untuk pameran solonya di Galeri Petronas, sekali gus mendapati beliau mempunyai ilmu luas terutama dalam seni visual kontemporari dan rupanya pernah belajar melukis dengan artis ternama, C Mahat di Singapura pada era 1950-an.

"Beliau antara beberapa pelukis yang juga berada dalam genre puisi seperti Prof Dr Siti Zainon Ismail dan Latiff Mohidin yang menggabungkan penulisan dengan seni visual dalam cara tersendiri," katanya.

## Karya bertentangan arus perdana jadi buruan pembaca Mesir

**Susunan Hafizah Iszahanid**  
Hafiza@bh.com.my

Jika dulu karya sastera yang dianggap bertentangan dengan arus perdana, sukar menembusi pasaran umum tetapi pascaperistiwa *Arab Spring*, pembaca mula memburu buku dalam pelbagai genre yang sebelum ini diharamkan.

Kedai buku di Kaherah bukan sekadar menyusun rak jualan mereka dengan buku umum, agama, sejarah dan falsafah, bahkan meletakkan buku yang sebelum ini diharamkan termasuk *Satanic Verses* karya Salman Rushdie.

Begitu juga *Animal Farm* dan

1984 karya George Orwell kini antara buku yang laris di kedai buku sekitar Kaherah.

Karya Milan Kundera yang diketahui mempunyai unsur seksual yang eksplisit yang dulu disorok bagi mengelak dirampas oleh polis, kini dipamerkan secara terbuka. Turut dipamerkan secara terbuka ialah buku yang mengkritik kerajaan yang dulunya boleh membuatkan pengarangnya dihumban ke penjara.

Bagi penerbit bebas seperti Madarat Research and Publication misalnya, mereka mengambil kesempatan daripada perkembangan ini dengan mencetak dan mengedarkan buku politik, pengasas Ikhawanul Muslimin,

Hassan al-Banna.

Sejak mantan Presiden Mesir, Mohamed Morsi dipenjarakan pada pertengahan tahun 2013, kerajaan yang diketuai tentera mengharamkan Ikhwanul Muslimin.

### Keadaan, hierarki kepentingan berubah

Kebebasan itu turut melangkaui kepada penerbitan buku yang mengkritik mantan Presiden Mesir yang dianggap negarawan ulung, iaitu Gamal Abdel Nasser oleh penerbit seperti Dar al Shorouk yang dianggap sebagai penerbit konservatif.

Pensyarah sastera, Universiti

Kaherah, Shereen Aboul Naga, berkata keadaan penerbitan sudah banyak berubah sehingga turut mengubah hierarki kepentingan.

"Namun, ada beberapa perkara yang masih seperti biasa, misalnya syarikat penerbitan berbahasa Inggeris yang popular, AUC Press masih menghantar buku berkebiasannya untuk disemak dan diluluskan oleh Universiti al-Azhar," katanya seperti dipetik oleh *The Guardian*.

Bagaimanapun, penerbitan bebas seperti El Shaer juga ber-

hati-hati dengan langkahnya kerana tidak semua penerbit yang berkongsi kecenderungan yang sama dalam isu liberalisme.

Kesan *Arab Spring* juga menyaksikan perubahan dalam sistem penapisan di Mesir yang menyaksikan ia berada di tengah-tengah revolusi liberal dengan tinggalan sistem zaman mantan Presiden, Husni Mubarak.

Paling ketara, sebelum *Arab Spring*, semua kerja penerbitan mesti sehalu dengan dasar kerajaan tetapi hari ini berbeza. Malah, kemunculan banyak penerbitan bebas yang bersaing antara satu sama lain, sekali gus dianggap merancakkan lagi industri penerbitan di negara itu.

